



**TEKS UCAPAN PERASMIAN OLEH
PUAN CHE ROHAIDA BINTI NGAH
KETUA PENOLONG PENGARAH
JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SELANGOR**

**PROGRAM PENANAMAN POKOK BAKAU 1 RAS 1
POKOK BERSAMA RAKAN ALAM SEKITAR (RAS)
SEMPENA SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR
NEGARA (HASN) PERINGKAT NEGERI SELANGOR
2023**

**TEMPAT
DENAI TEBUK MENDELING, SABAK BERNAM**

TARIKH : 14 OKTOBER 2023 (SABTU)

JAM: 8.00 PAGI

Terima kasih Saudari Pengacara Majlis,

Yang Berbahagia Dato' Wahadaniah Abdul Wahab
Duta Rakan Alam Sekitar UiTM Student Chapter

Yang Berusaha
Pegawai Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor

Yang Berusaha
Pegawai Majlis Daerah Sabak Bernam

Yang Berusaha Ts. Nur Ain Mohd Zainuddin
Penasihat Rakan Alam Sekitar (RAS) UiTM Student
Chapter, UiTM Shah Alam

Pegawai-pegawai Jabatan

Ahli Rakan Alam Sekitar (RAS) UiTM Student Chapter

dan tuan-puan yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh dan Salam
Sejahtera,

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kepada Allah SWT kerana dengan rahmat dan izin-Nya jua dapat kita bertemu dalam program Denai Tebuk Mendeling bagi menjayakan Program Penanaman Pokok Bakau 1 RAS 1 Pokok dan program KUDAH iaitu Kutip Sampah Sambil Riadah sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2023 Peringkat Negeri Selangor.

2. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat dan hadir kerana sudi melapangkan masa bersama-sama kami pada hari ini untuk menjayakan Program kita pada hari ini.

Tuan/Puan yang saya hormati sekalian.

3. Untuk makluman semua, Hari Alam Sekitar Negara (HASN) pada setiap tahun disambut pada 21 Oktober. Setiap tahun bermula Oktober sehingga November, Jabatan Alam Sekitar seluruh Malaysia akan menjalankan program kesedaran alam sekitar sempena Sambutan

HASN dengan turut bekerjasama dengan pelbagai pihak seperti agensi-agensi kerajaan negeri, Industri, Institusi Pengajian Tinggi dan ramai lagi. Sambutan di Negeri Selangor ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran serta melibatkan penyertaan semua lapisan masyarakat dalam usaha ke arah pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

4. Seperti mana sebelumnya, Hari Alam Sekitar Negara pada tahun ini masih mengekalkan tema “Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama”. Tema ini membawa maksud yang sangat signifikan iaitu setiap daripada kita memikul tanggungjawab untuk memelihara alam sekitar dengan sebaik mungkin. Tanggungjawab ini tidak hanya digalas oleh pihak Kerajaan semata-mata, malah masyarakat kita juga perlu berubah ke arah kehidupan yang membudayakan kebersihan dan penjagaan alam sekitar.

5. Untuk makluman hadirin hadirat sekalian, sambutan Hari Alam Sekitar Negara disambut di seluruh negara akan memfokuskan kepada tiga (3) aktiviti utama iaitu,

pengumpulan buangan elektrik dan elektronik (e-waste), hindari plastik sekali guna dan kempen penghijauan bumi melalui penanaman pokok melalui 1 Rakan Alam Sekitar 1 Pokok.

6. Pada pagi ini, Alhamdulillah kita dapat melaksanakan salah satu *signature event* dalam sambutan HASN iaitu 1 RAS 1 Pokok. Untuk makluman semua hadirin, ini merupakan program pertama 1 RAS 1 Pokok diadakan sempena HASN 2023. Program selepas ini kita akan adakan dengan kerjasama CANON dan Jabatan Perhilitan serta Rakan Alam Sekitar UiTM Chapter dengan sasaran pokok juga sebanyak 500 pokok di Paya Indah Wetland, Dengkil.

7. Alhamdulillah saya sangat berterima kasih kepada Rakan Alam Sekitar UiTM Chapter kerana mereka sangat aktif sebagai Rakan Alam Sekitar dan banyak membantu serta terlibat dengan program-program kesedaran alam sekitar bersama JAS. Saya sangat berharap semangat yang ada pada anak-anak muda ini akan berterusan walau

selepas tamat belajar nanti dan semangat ini akan sentiasa diwarisi kepada pelapis-pelapis RAS yang baru.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

8. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, di sini ingin saya merakamkan sekali lagi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua yang hadir kerana telah turut serta menjayakan salah satu program sambutan Hari Alam Sekitar Peringkat Negeri Selangor.

9. Harapan saya agar program ini tidak terhenti di sini dan boleh dibuat secara berkala. Juga saya mengharapkan penglibatan yang aktif daripada Rakan Strategik Alam Sekitar dalam kalangan industri/ swasta dan ahli-ahli RAS seluruh negeri Selangor dalam aktiviti yang melibatkan pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar.

“Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama”

Sekian, Terima Kasih.

